



BANJIR KILAT

BEBERAPA orang pelajar menaiki sampan untuk pulang ke rumah mereka sambil dibantu oleh ahli keluarga masing-masing ekoran banjir kilat yang melanda Tawau, di Sabah kelmarin, selepas hujan lebat di kawasan berkenaan. Jabatan Bomba dan Penyelamat Tawau diletakkan dalam keadaan bersedia ekoran kejadian tersebut. - BERNAMA

Pentingnya peliharaan alam sekitar

SAUDARA PENGARANG,

KEMUSNAHAN alam sekitar tidak dapat dipisahkan dengan sikap dan tanggungjawab semua pihak. Antaranya sikap individu yang kurang peka tentang kesan kemusnahan alam sekitar kepada manusia.

Disebabkan itu, manusia dengan rakus memusnahkan alam sekitar atas alasan pembangunan tanpa langsung merasa bimbang akan implikasi yang bakal berlaku ekoran tindakan mereka itu. Mereka tidak sedar yang perbuatan tersebut hanya akan mengundang satu kemusnahan besar-besaran kepada bumi kita.

Justeru, satu anjakan paradigma perlu dilakukan bagi menyelamatkan bumi daripada menjadi mangsa sesetengah pihak yang terlalu inginkan kemajuan sehingga mengorbankan alam sekitar yang tidak ternilai harganya.

Paling penting, semua rakyat Malaysia tidak kira siapa perlu ada kesedaran ini dalam usaha

memastikan alam sekitar tidak lagi menjadi mangsa keadaan. Hutan dan bukit-bukau yang selama ini menjadi penebat dan pasak bumi hendaklah dipelihara.

Sememangnya tidak dinafikan isu alam sekitar ketika ini menjadi perbualan serta keluhan masyarakat Malaysia dan penduduk dunia seluruhnya lebih-lebih lagi ekoran berlakunya fenomena El Nino. Disebabkan fenomena itu pelbagai kesan sampingan dilaporkan seperti kemarau, empangan sungai yang kian merosot, tanaman tidak menjadi dan ancaman strok haba.

Justeru, langkah pemeliharaan alam sekitar yang lebih baik sekurang-kurangnya mampu mengurangkan kesan fenomena tersebut. Dalam pada itu pelbagai kempen dan inisiatif telah dijalankan oleh pihak kerajaan dalam usaha menangani masalah ini.

Antaranya menggalakkan penggunaan teknologi hijau serta memperkenalkan pengurusan

pepejal yang lebih bersistematik. Selain kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut menjalankan pelbagai program bagi memastikan persekitaran kita sentiasa dalam keadaan yang kondusif.

Langkah memberikan pendidikan pemeliharaan alam sekitar di peringkat kanak-kanak juga perlu digalakkan. Sebaik-baiknya diperkenalkan sejak mereka berada pada tahun satu lagi dan berterusan sehinggalah ke tahun enam.

Mereka perlu didedahkan tentang segala aspek berhubung pemeliharaan alam sekitar termasuk kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya berlaku kemusnahan terhadap khazanah tersebut. Saya percaya dengan memberi kesedaran lebih awal maka akan lahir satu generasi yang amat prihatin dengan kepentingan memelihara alam sekitar.

OMAR FIRDAUS MOHD. SAID
SMK Seri Bedena, Sungai Besar